

D255

U B531 DEB
MAHATHIR - GHAFAR

JITRA, 21 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BUAT KALI PERTAMA MENJELASKAN BAHAWA BELIAU MELANTIK ENCIK GHAFAR BABA SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI KERANA KESETIAANNYA KEPADA UMNO.

KATA BELIAU, WALAUPUN ENCIK GHAFAR KECEWA KERANA TIDAK DAPAT MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI KETIKA DATUK (SEKARANG TUN) HUSSEIN ONN MENJADI PERDANA MENTERI, NAMUN BELIAU MASIH SETIA DAN BERKHIDMAT KEPADA UMNO DAN BARISAN NASIONAL.

+ ENCIK GHAFAR TIDAK IRI HATI APABILA SAYA DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI SETELAH ALLAHYARHAM TUN RAZAK MENINGGAL WALAUPUN JAWATAN ITU MEMANG HAKNYA MEMANDANGKAN BELIAU NAIB PRESIDEN UMNO YANG PALING KANAN KETIKA ITU, + KATA BELIAU.

SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SEKOLAH MENENGAH JITRA, DI SINI HARI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ENCIK GHAFAR MEMPUNYAI REKOD PALING BAIK DALAM UMNO KERANA MENJADI NAIB PRESIDEN SELAMA 25 TAHUN.

KATA PERDANA MENTERI, WALAUPUN ENCIK GHAFAR KELUAR DARIPADA KABINET TETAPI BELIAU TERUS BERKHIDMAT KEPADA PARTI TANPA MENYOAL GANJARAN UNTUKNYA BERBUAT DEMIKIAN. -- LAGI
1316MST 21 03 87

D257

U B532 DEB
MAHATHIR - GHAFAR 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA ENCIK GHAFAR BERKERJA KERAS DEMI MEMASTIKAN KEMENANGAN BARISAN NASIONAL PADA SETIAP PILIHAN RAYA.

KATANYA, KESETIAAN ENCIK GHAFAR KEPADA PARTI HARUSLAH DICONTOKI OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN UMNO.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU MENDEDAHKAN PERKARA INI KERANA SESETENGAH PIHAK MEMBUAT TUDUHAN DAN TOHMAH SERTA FITNAH TERHADAPNYA MENJELANG PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA 24 APRIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERANA MENGENANGKAN JASA ENCIK GHAFAR BABA KEPADA PARTI, BELIAU MELANTIKNYA SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI APABILA DATUK MUSA HITAM MELETAKKAN JAWATAN. --
BERNAMA
1323MST 21 03 87